

UMP jejak asnaf serah sumbangan fakir miskin

UTUSAN MALAYSIA 8 JUN
(DALAM NEGERI) m/s 9

Oleh ZAMZURINA AHMAD

zamzurina.ahmad@gmail.com

KUANTAN 7 Jun - Sempena Ramadan, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** mengambil inisiatif mendekati golongan asnaf di sekitar daerah ini dengan menghulurkan sumbangan agar mereka dapat menjalani ibadah puasa dengan lebih sempurna.

Melalui program Jejak Asnaf Fakir Miskin, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP meneruskan misi yang memasuki tahun kedua bagi membantu golongan sasaran.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, usaha ini merupakan salah satu program yang dijalankan untuk mendekati masyarakat dan membuktikan bahawa universiti bukan sahaja berperanan melahirkan tenaga kerja mahir tetapi bertanggungjawab menyumbang ilmu serta kepakaran dalam pembangunan komuniti setempat.

"UMP turut memberi tumpuan terhadap program komuniti, kemasyarakatan dan kesukarelaan. Justeru itu, kami memperkenalkan program MyGift se-



DAING NASIR IBRAHIM (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan persiapan Ramadan kepada ibu tunggal, **Lizawati Mustafa** bersama lima anaknya di **Jaya Gading, Kuantan, Pahang, semalam.** - **GAMBAR IHSAN/UMP**

bagai satu usaha mengumpul derma daripada pelbagai pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen yang akan dijadikan sebagai tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar di samping membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan.

"Program Jejak Asnaf Fakir Miskin pula memberi peluang dalam kalangan warga universiti untuk turun padang menghulur-

kan sumbangan keperluan asas seperti bantuan bekalan makanan, pencucian dan bantuan baju raya untuk mereka merasa kegembiraan Ramadan dan Syawal kelak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Daing Nasir, usaha membantu ini turut digerakkan alumni UMP dalam program Ziarah Prihatin Ramadan UMP baru-baru ini dengan melibatkan 50 sukarelawan.